

>>Program mendapat sambutan golongan dewasa yang berumur 21 hingga 68 tahun

28-10-2016

metroplus

5

HARIAN METRO

Nursyahirah Marzuki  
am@hmetro.com.my

# 20 hari belajar membaca

Selangor

**K**ira-kira 50 penduduk Orang Asli di Kampung Sungai Buah, Dengkil termasuk kanak-kanak dan warga emas berjaya membaca selepas mengikuti program JOMBaca anjuran Akademi i-Sina selama 20 hari.

Program ditaja oleh Putrajaya Perdana Berhad itu mendapat sambutan menggalakkan walaupun ada antara mereka terpaksa berjalan kaki sejauh satu kilometer untuk sampai ke Surau Kampung Sungai Buah yang menjadi pusat pembelajaran mereka.

Tenaga Pengajar Akademi i-Sina Nor Aziah Mohd Hassan berkata, program itu turut mendapat sambutan golongan dewasa yang berumur 21 hingga 68 tahun

■ 50 penduduk Orang Asli Kampung Sungai Buah ikuti program JOMBaca



SALAH seorang peserta JOMBaca, Imah Din (dua dari kanan) membaca sambil diperhatikan guru, Norhafimi Johari dan rakan lain.

yang tidak mempunyai asas membaca.

“Alhamdulillah, walaupun sudah dewasa namun mereka mempunyai minat dan semangat yang tinggi untuk masuk semula ke alam persekolahan bagi belajar membaca, malah hampir 78 peratus daripada mereka sudah boleh membaca dengan lancar.

“Melalui program ini juga, kita mengajar mereka yang belum menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan gabungan bunyi huruf vokal dan konsonan tanpa terikat dengan hafalan suku kata,” katanya.

Katanya, program selama 20 hari itu mempunyai dua sesi iaitu sesi pagi dan petang

dan menggunakan konsep satu pelajar satu guru yang dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada setiap pelajar.

Sementara itu, seorang peserta JOMBaca, Imah Din, 30, berkata, dia mempunyai minat untuk membaca, malah tujuan dia menyertai program berkenaan untuk membaca resipi di buku atau Facebook.

“Saya pernah ke sekolah namun terpaksa berhenti ketika berusia 11 tahun untuk menjaga adik di rumah dan selepas itu, saya tidak menyambung pembelajaran di mana-mana sehingga program ini diadakan,” katanya ketika ditemui, di sini, semalam.